

Matriks Soalan-Soalan Lazim (Frequently Asked Questions – FAQ)

BIL	SOALAN	JAWAPAN
1	Apakah yang dimaksudkan dengan inisiatif pelaksanaan pengeluaran lesen memandu bersekuriti tinggi (LMBT).	Pelaksanaan pengeluaran lesen memandu bersekuriti tinggi (LMBT) merupakan inisiatif kerajaan untuk menghasilkan kad lesen memandu bersekuriti tinggi bagi menggantikan lesen memandu bersalut plastik (LMBP) sedia ada yang telah digunakan semenjak tahun 1989 tanpa dinaiktaraf. Ianya merupakan kad lesen memandu bersaiz kad kredit yang dilengkapi dengan ciri-ciri keselamatan terkini.
2	Apakah rasional pelaksanaan inisiatif lesen memandu bersekuriti tinggi?	Rasionalnya inisiatif ini ialah: <ul style="list-style-type: none"> i. Untuk meningkatkan ciri keselamatan pada kad dan bentuk lesen memandu. ii. Untuk mempertingkatkan keberkesanan aktiviti penguatkuasaan. iii. Untuk transformasi proses kerja semasa dimana imej gambar disimpan dan dimuat turun untuk pembaharuan lesen memandu. iv. Untuk penerimaan di peringkat antarabangsa dengan penggunaan dwi bahasa berbanding kad lesen memandu yang sedia ada. v. Untuk meningkatkan imej kerajaan melalui penggunaan teknologi setanding Negara maju seperti Amerika Syarikat, Jerman, Australia dan New Zealand.
3	Apakah jenis lesen memandu yang terlibat dalam inisiatif ini?	Pelaksanaan inisiatif ini melibatkan kategori lesen memandu percubaan (PDL) dan lesen memandu kompeten (CDL) sahaja.
4	Bilakah inisiatif ini mula berkuatkuasa?	Inisiatif ini akan dilaksanakan mulai 16 Julai 2013 di semua Pejabat JPJ.
5	Di manakah perkhidmatan bagi urusan pengeluaran lesen memandu bersekuriti tinggi boleh dibuat?	Perkhidmatan bagi urusan ini disediakan di kaunter pejabat JPJ negeri /cawangan dan boleh diperolehi melalui aktiviti: <ul style="list-style-type: none"> i. Permohonan baharu Lesen memandu ii. Permohonan tambah kelas lesen memandu iii. Permohonan pembaharuan lesen memandu iv. Permohonan salinan/ gantian lesen memandu v. Permohonan pinda lesen memandu vi. Pengambilan lesen bagi urusan yang dilakukan di Potral Awam JPJ.
6	Adakah pemegang lesen boleh berurusan di Pejabat Pos Malaysia atau melalui sistem atas talian eKhidmat Kerajaan.	Mulai 16 Julai 2013, bagi tujuan tersebut, pemegang lesen hanya boleh berurusan di semua Pejabat JPJ sahaja. Inisiatif ini akan diperluaskan ke Pejabat Pos dan urusan atas talian eKhidmat kerajaan yang dijangkakan mulai November 2013. Walau bagaimanapun tarikh sebenar akan dimaklumkan apabila sistem sedia dilaksanakan. Sehingga itu, orang ramai yang

		membaharui lesen di Pejabat Pos hanya dibenarkan membuat pembaharuan untuk tempoh setahun sahaja
7	Siapakah pemegang lesen yang terlibat?	Pelaksanaan inisiatif ini akan melibatkan semua pemegang lesen memandu percubaan (PDL) dan lesen memandu kompeten (CDL) sahaja. Bagi pemegang lesen belajar memandu dan lesen vokasional masih lagi menggunakan kertas lesen memandu sedia ada.
8	Adakah terdapat perubahan struktur atau kadar baru yang dikenakan bagi pelaksanaan inisiatif ini kepada pemegang lesen?	Pelaksanaan inisiatif ini tidak melibatkan perubahan kepada struktur fi lesen memandu. Kadar fi lesen memandu bersekuriti tinggi dikekalkan iaitu RM20.00 (motosikal) dan RM30.00 (motokar/motolori) setahun. Ini bermakna tiada sebarang fi tambahan dikenakan untuk pengeluaran LMBT.
9	Adakah pemegang lesen memandu dibenarkan berurusan di kaunter JPJ bagi tujuan menukarkan kad lesen memandu bersekuriti tinggi semata-mata?	Pemegang lesen memandu tidak dibenarkan untuk berurusan untuk tujuan menukarkan lesen memandu bersekuriti tinggi tanpa melalui urusniaga kombinasi lain.
10	Adakah tempoh tertentu ditetapkan kerajaan kepada pemegang lesen memandu untuk menukarkan lesen memandu bersekuriti tinggi?	Kerajaan tidak menetapkan tempoh tertentu untuk pemegang lesen memandu menukarkan lesen memandu masing-masing kepada lesen memandu bersekuriti tinggi.
11	Berapa lama tempoh pembaharuan lesen memandu bersekuriti tinggi dibenarkan?	Tempoh pembaharuan lesen memandu semasa adalah dikekalkan iaitu bagi tempoh 1,2,3,4 dan 5 tahun. Walau bagaimanapun, orang ramai digalakkan untuk membaharui lesen mereka sekurang-kurangnya untuk tempoh 2 tahun dan ke atas.
12	Adakah pemegang lesen masih diperlukan membawa gambar semasa berurusniaga?	Kaunter pengambilan gambar akan disediakan dibawah pelaksanaan inisiatif ini. Tiada fi dikenakan kepada pemegang lesen untuk pengambilan gambar. Walau bagaimanapun pemegang lesen dibenarkan untuk menggunakan gambar sendiri yang diambil daripada Mykad, atau mana-mana gambar yang dibawa sendiri untuk diimbis. Mesin pengimbas gambar akan disediakan di kaunter JPJ tanpa dikenakan apa-apa fi kepada pemegang lesen.
13	Adakah ciri-ciri utama sekuriti tinggi bagi lesen memandu bersekuriti tinggi (LMBT)	Antara ciri-ciri utama sekuriti lesen memandu adalah seperti berikut: <ul style="list-style-type: none"> i. Kad plastik pra cetak dengan rekabentuk keselamatan tinggi dan canggih dalam imej garisan-garisan halus; ii. Infomasi dan gambar pemegang lesen memandu yang dicetak akan dilindungi oleh Lapisan <i>High Secure Hologram</i>;